

Tarikh: 26/10/2023

Pemberitahuan Awam: RSPO Penilaian Semula Persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit Melewar (Melewar Production Unit), J.C. Chang Holdings Sdn Bhd (Nombor Keanggotaan RSPO: 2-0029-06-000-00)

Kepada Pihak Kepentingan,

Ini adalah untuk memberitahu bahawa Kilang Kelapa Sawit Melewar (Melewar Production Unit) di bawah Syarikat Induk J.C. Chang Holdings Sdn Bhd dengan nombor keanggotaan RSPO (2-0029-06-000-00) telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd ("BSI Malaysia") untuk melaksanakan penilaian Persijilan Semula yang akan dilaksanakan di lokasi Lahad Datu, Sabah, Malaysia. Pelaksanaan persijilan akan bermula pada 04/12 hingga 08/12/2023 menggunakan persyarat standard Malaysia National Interpretation 2019 of the RSPO P&C 2018 . Model rantai bekalan adalah Mass Balance.

Nombor RSPO PO ID untuk Kilang Kelapa Sawit Melewar adalah: RSPO_PO1000000527

J C Chang Group ialah kumpulan perniagaan yang berpangkalan di Malaysia dan milik persendirian yang meliputi perniagaan dalam penanaman kelapa sawit, pengilangan dan penapisan minyak sawit, hartanah dan pembangunan, hotel, insurans, pembuatan dan perdagangan. Perladangan kelapa sawit dan pengilangan membentuk perniagaan teras J C Chang Group. J C Chang Group mempunyai satu kilang dan lima ladang kelapa sawit di Pahang, tiga kilang dan dua belas ladang kelapa sawit di Sabah. Jumlah kawasan ladang adalah kira-kira 40,000 hektar. Jumlah kapasiti pengilangan adalah kira-kira 200 MT/jam. J C Chang Group juga mempunyai satu kilang penapisan dan pembuatan di Pasir Gudang yang mengeluarkan pelbagai produk hiliran sawit untuk dieksport. J C Chang Group sentiasa menekankan dan menerima pakai Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Amalan Pengurusan Baik (MAP) untuk memastikan pengurusan yang baik dan cekap dalam semua bidang aktiviti perniagaan bagi menggalakkan amalan mesra alam dan bertanggungjawab sosial dalam perniagaan teras perladangan dan kilang. Matlamat mereka adalah untuk merealisasikan dan meningkatkan pengeluaran dan pengedaran mampan produk sawit yang selamat dan berkualiti premium, selaras dengan objektif dan matlamat mereka untuk menyertai RSPO.

Melewar Production Unit terdiri daripada satu kilang kelapa sawit (Kilang Kelapa Sawit Melewar) dan 9 ladang kelapa sawit (Ladang Gerola, Ladang Tye Yang, Ladang Melewar 1, Ladang Pahang Oil Palm 2, Ladang Pahang Oil Palm 3, Ladang Pelita, Ladang Muis Melewar 1, Muis Melewar Plantation 2, dan Hwa Li 2) yang terletak di Negeri Sabah, Malaysia. Kilang yang baru dibeli iaitu Kilang Kelapa Sawit Lahad Datu yang terletak di Sabah dan sebelum ini mendapat pensijilan RSPO dan MSPO. Kumpulan akan memperakui semula pensijilan RSPO dan MSPO unit yang disebutkan di atas di bawah Kumpulan J C Chang, Melewar Production Unit.

Melewar Production Unit mendapat pensijilan RSPO dan MSPO sepenuhnya kecuali pensijilan ISCC di mana Ladang Muis Melewar 1, Ladang Muis Melewar 2 dan Ladang Pelita masih belum mendapat pensijilan.

1. Maklumat yang berkaitan dengan data pengeluaran yang akan dinilai adalah sebagai berikut:

Kilang Kelapa Sawit Melewar dan Sumber Pembekal		
Kilang Kelapa Sawit		Kilang Kelapa Sawit Melewar
Kapasiti KKS (ton/jam)		100 MT/jam
Alamat / Lokasi		KM 45, Off Jalan Lahad Datu – Sandakan, 91100 Lahad Datu, Sabah, Malaysia
Rujukan GPS (dalam derajat, menit & detik)	Latitude/Garis lintang	005° 16' 21.50" N
	Longitude/Garis bujur	118° 03' 12.40" E
	CPO	62,193.00 mt

Anggaran Tahunan (MT)	Pegeluaran	PK	14,268.65 mt
		FFB/TBS	285,944.83 mt


2. Maklumat perincian mengenai Sumber Pembekal sebagai berikut:

No.	Ladang / Pekebun Kecil	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Anggaran Keluaran FFB Tahunan (MT)	Status Liability (L/NL)	Tarikh sertai (untuk Petani bebas)
			Latitude / Garis lintang	Longitude / Garis bujur	Jum. kaw. yg akan diperakui	Kawasan ditanam			
1.	Gerola Estate	CL 095310919, Mukim Sg. Kinabatangan, Malaysia	005° 12' 18.74" N	118° 2' 4.56" E	1,587.40	1,403.37	17,790.00	NL	N/A
2.	Tye Yang Estate	CL 095311407, Mukim Sg. Kinabatangan, Malaysia	005° 14' 33.03" N	117° 59' 58.59" E	3,759.90	3,352.62	56,049.24	NL	N/A
3.	Melewar Estate 1	CL 095310400, Mukim Sg. Kinabatangan, Malaysia	005° 15' 49.11" N	118° 3' 48.66" E	2,323.18	1,978.42	40,950.80	NL	N/A
4.	Pahang Oil Palm 2 Estate	CL 095317285, 17490, 17516, 17507, 21421, Kinabatangan, Malaysia	005° 17' 37.88" N	118° 8' 21.87" E	2,852.72	2,574.42	43,388.71	NL	N/A
5.	Pahang Oil Palm 3 Estate	CL 095317285, 17534, 17525, 25983, Kinabatangan, Malaysia	005° 22' 27.72" N	118° 8' 18.62" E	2,619.30	2,391.11	25,740.00	NL	N/A
6.	Pelita Estate	CL 115397496, Mukim Ulu Tungku, Lahad Datu, Sabah, Malaysia	005° 08' 47.56" N	118° 56' 00.41" E	1,694.70	1,580.65	26,840.00	NL	N/A
7.	Muis Melewar Plantation 1	CL 105426784, Tawau, Sabah, Malaysia	004° 27' 33.26" N	117° 50' 54.19" E	2,320.00	2,056.01	25,600.00	NL	N/A
8.	Muis Melewar Plantation 2	CL 245360523, Mukim Sungai Binuang, Ulu Tingkayu, Kunak, Sabah, Malaysia	004° 39' 51.43" N	117° 54' 07.83" E	1,793.00	1,481.00	28,039.00	NL	N/A
9.	Hwa Li 2	CL 095327218, CL 095310731, Mukim Tenegang Koyah, Kinabatangan, Sabah, Malaysia	005° 19' 29.00" N	118° 02' 45.00" E	3,007.00	2,811.62	21,547.08	NL	N/A
TOTAL					21,957.20	19,629.22	285,944.83		

Note: L – memiliki Liability; NL – tidak memiliki Liability

Pembekal Ladang untuk persijilan ini tidak termasuk pengembangan penanaman baru Oleh yang sedemikian, tidak ada proses New Planting Procedure.

3. Lokasi Unit Pengurusan



BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan RSPO P&C dan RSPO SCCS pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama dipercayai di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawai Nasional UK. BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. Mempunyai pejabat gabungan RSPO di Indonesia, Australia, China dan India.

Pasukan Penilaian akan terdiri:

Nama	Peranan / Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Valence Shem	Ketua Pasukan Audit Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, time bound plan, rantai bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Teknologi Industri, Universiti Sains Malaysia. - Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 9 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri ladang kelapa sawit. - Mula menyertai audit semenjak 2009 untuk pelbagai standard, antaranya ISO 14001, RSPO P&C, RSPO SCCS dan SMETA. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, Latihan

		MPOB MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.
Mohd Razaleigh bin Mohamad	Ahli Pasukan Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rantaian bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi dan Pengurusan Perladangan, Universiti Teknologi MARA. - Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 5 tahun di ladang kelapa sawit. - Mula menyertai audit kelestarian semenjak 2017 untuk RSPO, MSPO dan Global G.A.P. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS dan Social accountability (SA8000).
Amir bin Bahari	Ahli Pasukan Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan hidup, HCV & perlepasan gas rumah hijau, penambahbaikan yang berterusan	<ul style="list-style-type: none"> - Memiliki Ijazah (Kepujian) Kimia, Universiti Sains Malaysia 1985 dan Diploma Palm Oil Milling Tech/Management MPOB 1996. - Mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam pengurusan kilang dan ladang kelapa sawit. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 14001 dan RSPO P&C.

Sebagai persediaan untuk proses penilaian, pihak berkepentingan yang berkaitan dijemput untuk memberikan input bertulis mengenai penilaian ini dengan memberi komen mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan unit pensijilan. Topik yang mungkin ingin anda komen adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada:

- Perlindungan dan Penjagaan lingkungan hidup
- Hak Asasi Manusia & kebajikan pekerja
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Free, prior and informed consent
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen yang diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan dipertimbangkan dalam Penilaian. Sila sertakan butir-butir berikut sekiranya kami mungkin perlu menghubungi anda untuk mendapatkan penjelasan atau tindakan lanjut mengenai masalah yang dibangkitkan oleh anda.

Nama: Emel:
 Jabatan: Nombor telefon:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim:

Dr. Chaiyaporn Seekao
 BSI Services Malaysia Sdn. Bhd.
 Suite 29.01 Level 29 The Gardens North
 Tower, Mid Valley City Lingkaran Syed Putra
 59200 Kuala Lumpur
 Wilayah Persekutuan, Malaysia
 Faks : +603 9212 9639
 Emel : chaiyaporn.seekao@bsigroup.com


DAN / ATAU

Auditee:

En. Wong Chun Wei
 J.C. Chang Holdings Sdn. Bhd.
 Unit 30-01, Level 30, Menara Landmark
 No. 12, Jalan Ngee Heng
 80000 Johor Bahru
 Johor, Malaysia
 Faks : +607 224 1546
 Emel : wongcw@jcc.com.my

Terima kasih dan maklumbalas yang diberikan amat dihargai.

Yang benar,



.....
Dr. Chaiyaporn Seekao
Pengurus
Teknikal & Pematuhan - Makanan (RSPO)